

## Pentadbir perlu adaptasi perubahan

KUANTAN - Pentadbir universiti awam perlu segera mengadaptasi perubahan bersesuaian dengan landskap pentadbiran sebuah universiti yang kini mengalami pelbagai perubahan rentetan fenomena Revolusi Industri 4.0.

Sesebuah universiti juga perlu ada sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar daya saing dapat diperkayakan.

Ketua Pegawai Operasi yang juga Pendaftar **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Abd Hamid Majid berkata, pentadbir merupakan tulang belakang pengoperasian sebuah universiti.

Justeru katanya, mereka perlu diberi pendedahan terhadap keperluan melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menanggapi tuntutan pengurusan termaju kini.

“Terdapat lebih 8,000 pentadbir universiti awam dalam kalangan kumpulan pengurusan dan pentadbiran pelbagai skim perkhidmatan menabur bakti di universiti masing-masing.

“Jika elemen Industri 4.0 dan pengurusan termaju tidak ditangani dengan sebaiknya maka tidak mustahil ianya akan menghasilkan satu tekanan yang akhirnya akan menjejaskan kualiti kerja yang turut mempengaruhi kualiti ke-

hidupan secara tidak langsung,” katanya.

Beliau berucap pada Program Kolokium Pentadbir: Pengurusan Teraju anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PPTI) UMP bersempena Mesyuarat Eksekutif Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (Masti) kali ke 27 2019 di UMP Kampus Pekan, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Presiden (Hubungan Strategik) Masti, Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab dan Timbalan Presiden (Pengantarabangsa) Masti yang juga Presiden PPTI, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais.



Sebahagian ahli PPTI UMP bersama barisan Eksekutif Masti sempena mesyuarat yang menyaksikan UMP sebagai tuan rumah.